

Mereka berkata: "Bagaimana pula dengan bulu wahi Rasulullah?" Rasulullah menjawab: "Bagi setiap helai bulu satu kebajikan." (Hadis riwayat Ibnu Majah)

**Pengertian kebajikan (hasanah) mempunyai maksud yang berbeza-beza di kalangan para ulama ahli tafsir.** Hasanah adalah satu perkataan yang mempunyai maksud yang subjektif. Banyak penjelasan daripada mereka tentang tafsiran kalimah 'hasanah'. Antaranya:

**Ibnu Katsir** rahimahullah berkata: "Kebajikan atau kebaikan (hasanah) di dunia itu meliputi semua yang bersifat keduniaan seperti sihat, selamat tempat tinggal yang luas, isteri yang baik, rezeki yang banyak dan sebagainya.

Manakala hasanah di akhirat pula, yang paling tinggi ialah masuk syurga dan selanjutnya semua kebahagiaan yang menjadi pelengkap kehidupan dalam syurga itu."

**Menurut al-Qadhi al-'Iyadh** rahimahullah, maksud hasanah itu ialah ni'mat iaitu sama ada nikmat dari segi limpahan kurnia di dunia atau limpahan kurnia di akhirat atau nikmat terpelihara dari siksaan.

Manakala menurut **Imam al-Qurthubi** rahimahullah, maksud hasanah ialah iman. Sebagai contoh, barangsiapa yang mengucapkan syahadah, maka baginya setiap amalan kebaikan yang dilakukannya di dunia ini akan digandakan dengan sepuluh ganda dari segi pahalanya. Abu Dzarr radhiallahu 'bersabda: meriwayatkan bahawa Rasulullah maksudnya: "Allah Azzawajall berfirman: "Sesiapa yang datang (melakukan) satu kebajikan, maka baginya sepuluh ganda pahala sepertinya dan Aku (Allah) akan menambahnya lagi." (Hadis riwayat Muslim)

**3. Darah korban** yang tumpah ke bumi akan mengambil tempat yang mulia di sisi Allah SWT.

Aisyah radhiallahu 'anha meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: "Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak Adam pada Hari Raya Korban yang lebih disukai Allah melainkan menumpahkan darah (menyembelih binatang korban). Sesungguhnya binatang korban itu akan datang pada Hari Kiamat bersama tanduk, kuku dan bulunya dan Allah memberi pahala ibadah korban itu sebelum darah binatang korban itu jatuh ke bumi. Oleh itu, elokkanlah korban kamu." (Hadis riwayat at-Tirmidzi)

### DALIL DAN FADILAT KORBAN.

#### DALIL PENSYARIATAN

Firman Allah S.W.T dalam surah Al-Kautsar ayat 2 :

Maksudnya : "Maka kerjakanlah solat kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah korban sebagai bersyukur".

Allah SWT telah berfirman dalam Surah Al-Hajj ayat 37 :

Maksudnya: "Daging dan darah binatang korban atau hadiah tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yan sampai kepadaNya ialah amal yang ikhlas berdasarkan taqwa dari kamu".

Sabda Rasulullah S.A.W.:


Maksudnya : "Aku diperintahkan dengan menyembelih korban itu dan ia adalah sunat ke atas kamu". (Hadis riwayat Tirmidzi)

**' BARANG SIAPA BERKELAPANGAN ( HARTA) NAMUN TIDAK MAHU MELAKSANAKAN IBADAT KORBAN, MAKA JANGAN SEKALI-KALI MENDEKATI SOLAT KAMI '**

( Hr Ibnu Majah, Al-Hakim, Dihasankan Oleh Syeikh Albani ).



## FADHILAT IBADAH KORBAN



**SILA AMBIL  
PERCUMA**



HANTARKAN PANDANGAN ANDA MELALUI :  
jakimmalaysia90@gmail.com

**UNIT DAKWAH DAN PENERBITAN**

## KELEBIHAN IBADAH KORBAN

Assalamualaikum Warahmatullah

Ibadah korban merupakan antara amalan yang amat disukai oleh Rasulullah SAW di mana baginda sentiasa menggalakkan sahabat-sahabat baginda melakukan ibadat korban. Ini memandangkan ibadat korban itu mempunyai banyak hikmah dan kelebihan-kelebihan yang memberi kebaikan kepada diri kita, agama dan masyarakat.

Oleh yang demikian, sebagai umat Islam yang mampu seharusnya mengambil iktibar terhadap galakan Rasulullah SAW kepada sahabat-sahabat baginda untuk berbuat demikian.

Terdapat banyak hadis yang menganjurkan ibadah korban antaranya di mana Rasulullah SAW bersabda;

“Tidak ada amalan yang dilakukan oleh manusia pada hari raya korban yang lebih disukai Allah dari mengalirkan darah (yakni menyembelih korban). Sesungguhnya ia akan datang pada hari kiamat nanti dengan tanduk-tanduknya, kuku-kuku dan bulu-bulunya (dan diletakkan di atas timbangan). Dan sesungguhnya darah binatang korban itu mendapat kedudukan di sisi Allah di suatu tempat yang tinggi sebelum ia jatuh di atas bumi. Oleh itu, ikhlaskanlah hati kamu ketika berkorban itu”. (Riwayat Imam at-Tirmizi, Ibnu Majah dan al-Hakim dari Saidatina Aisyah r.a.. Menurut Imam as-Suyuti; hadis ini adalah hasan. Lihat; al-Jami' as-Saghih, hadis no. 7949.)

مَنْ كَانَ لَهُ سَعَةٌ وَلَمْ يُضَحَّ فَلَا يَقْرَبَنَّ مُصَلَّاتًا – رواية ابن ماجه

Maksudnya : Sesiapa yang mempunyai kemampuan sedangkan dia tidak melakukan ibadat korban maka janganlah dia mendekati tempat solat kami.

## HUKUM IBADAH KORBAN

Hukum korban ialah sunat muakkad (iaitu sunat yang amat-amat digalakkan oleh agama) bagi orang yang memenuhi syarat-syarat berikut:

- 1-Muslim
- 2-Baligh dan berakal
- 3-Bebas/merdeka
- 4-Ada kemampuan; iaitu memiliki lebih belanja setelah ditolak nafkah dirinya dan orang-orang di bawah tanggungannya merangkumi makanan, pakaian dan tempat tinggal sepanjang hari raya dan hari-hari tasyriq.

## HIKMAT DARI PENSYARIATAN IBADAH KORBAN IALAH :

**Pertama :** Untuk mengekalkan ingatan kita kepada kisah Nabi Ibrahim Alaihissalam yang sanggup menyembelih puteranya Nabi Ismail Alai Hissalam sebagai korban, akan tetapi Allah menggantikannya dengan seekor kibas. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah daripada Zaid bin Arqam, dia berkata :

Para sahabat Rasulullah SAW bertanya, wahai Rasulullah, apakah yang ada pada korban itu? Rasulullah SAW menjawab dengan sabdanya maksudnya :

“Ia adalah sunnah bapa kamu Ibrahim. Mereka bertanya lagi : Apa yang akan kami perolehi daripadanya wahai Rasulullah? Rasulullah SAW menjawab : Bagi setiap helai rambut ada kebajikannya. Mereka bertanya lagi : Bagaimana pula dengan bulunya wahai Rasulullah? Rasulullah menjawab : Bagi setiap helai bulu ada kebajikannya”.

**Kedua :** Melatih dan membentuk kaum Muslimin supaya sanggup berkorban sebahagian rezeki dan nikmat kurniaan Allah demi kepentingan orang lain.

**Ketiga :** Memupuk sikap prihatin terhadap masyarakat iaitu dengan mengagihkan sebahagian daging korban itu sebagai makanan atau meluaskan rezeki orang-orang fakir miskin sempena Hari Raya Aidil Adha.

**Keempat :** Menyemai dan menanamkan sifat terpuji dan nilai-nilai murni ke dalam diri dengan meneladani kesabaran Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail Alai Hissalam dan sifat keduanya yang mengutamakan ketaatan dan rasa cinta mendalam kepada Allah SWT.

## FADILAT DAN KELEBIHAN BERQURBAN IALAH:

**1. Keampunan....**Titisan darah korban yang pertama adalah merupakan pengampunan bagi dosa-dosa yang telah lalu iaitu sebagai penebus dosa yang telah dilakukan. 'Imran bin Hushain radhiallahu bersabda kepada Sayyidatuna Fatimah radhiallahu 'anha: meriwayatkan bahawa Rasulullah telah bersabda yang maksudnya: “Wahai Fatimah! Pergilah ke tempat (penyembelihan) korbanmu dan saksikanlah ia, sesungguhnya titisan darahnya yang pertama itu adalah merupakan pengampunan bagimu di atas dosa-dosamu yang telah lalu.” (Hadis riwayat al-Hakim).

**2. Kebajikan (hasanah)** yang dikurniakan kepada orang yang berkorban adalah sebanyak bulu binatang yang dikorbankan. Zaid bin Arqam radhiallahu 'anhu meriwayatkan: Maksudnya: “Para sahabat Rasulullah SAW bertanya: “Wahai Rasulullah! Apakah yang ada pada korban itu?” Rasulullah menjawab: “Ia adalah sunnah bapa kamu Ibrahim” Mereka berkata: “Apa yang akan kami perolehi darinya wahai Rasulullah?” Rasulullah menjawab: “Bagi setiap helai rambut satu kebajikan”